

## **LAWATAN SAMBIL BELAJAR DELEGASI DARI PEJABAT AUDIT VIETNAM**

Jabatan Audit Negara telah menerima kunjungan delegasi lawatan sambil belajar dari Pejabat Audit Vietnam pada 10 hingga 12 Julai 2012. Delegasi tersebut diketuai oleh Mr. Le Quang Binh, Timbalan Pengarah Bahagian Polisi Audit dan Kawalan Kualiti. Ahli delegasi terdiri daripada Ms. Vu Kim Tuyen, Ms. Nguyen Thi Tuyet, Mr. Voung Van Quang dan Mr. Pham Van Cung.

Objektif lawatan adalah untuk mendapat pengetahuan dan pendedahan dalam Pembangunan Plan Strategik, Standard Pengaudian/ Garis Panduan dan Manual, proses penyelidikan dalam membangunkan standard pengauditan dan garis panduan serta pengauditan sektor awam. Taklimat telah disampaikan oleh pegawai-pegawai audit yang berpengalaman. Delegasi juga telah berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkenaan teknik pengauditan di Vietnam. Taklimat mengenai Akademi Audit Negara telah disampaikan oleh Puan Noor Akma Mohd Baki, Timbalan Pengarah Akademi semasa lawatan mereka ke Akademi Audit Negara. Lawatan sambil belajar ini telah mengukuhkan kerjasama antara Pejabat Audit Vietnam dan Jabatan Audit Negara Malaysia.

Pelbagai tempat-tempat menarik untuk dilawati telah diaturkan antaranya Putrajaya, Kuala Lumpur, Istana Negara, Pasar Seni dan makan tengah hari di Quality Hotel, Kuala Lumpur.



Kunjungan hormat di pejabat YBhg. Dato' Setia Tan Sri Ambrin Bin Buang,  
Ketua Audit Negara. Malaysia